



ANTARA pengunjung yang memeriahkan Car Free Zone @Alor Gajah. Foto MPAG



SUASANA meriah pada program Car Free Zone @Alor Gajah. Foto MPAG

Macam-macam ada di Car Free Zone @Alor Gajah

Mohd Faiz Abu Hasan

ALOR GAJAH - Penganjuran Hari Tanpa Kenderaan atau Car Free Zone @Alor Gajah pada Sabtu pertama setiap bulan mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Berlangsung di Jalan Datuk Naning (hadapan Dataran Keris) bersempena Melaka Bila Larut Malam, ia menjadi salah satu inisiatif Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) menganjurkan program Santai Malam Minggu bagi memeriahkan suasana di Bandar Alor Gajah.

Yang Dipertua MPAG TPr. Saifuddin Abdul Karim berkata, sejak dilaksanakan, program tersebut merekodkan purata sehingga 1,000 pengunjung.

Jelasnya, menerusi program tersebut, orang ramai dapat bersantai dan beriadah bersama keluarga selain mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti serta tarikan yang disediakan.

"Antara aktiviti yang diadakan adalah

seperti permainan rakyat, berbasikal, kasut roda, papan selaju, kereta kawalan jauh dan pelbagai lagi.

"Selain itu turut diadakan pameran agensi seperti kesedaran cegah denggi dan jenayah," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurut TPr. Saifuddin, selain merencanakan aktiviti di Bandar Alor Gajah, program itu juga bertujuan mengurangkan pelepasan karbon emisi terhasil daripada kenderaan, sekali gus membantu mengurangkan impak kepada alam sekitar akibat pemanasan global.

"Menerusi program Car Free Zone @Alor Gajah ini ia dapat mengurangkan 0.374 tan karbon dioksida setara (CO₂e) bagi tempoh empat jam penganjurannya. Ia juga bersamaan dengan 4.488 tan CO₂e setahun," katanya.

Car Free Zone @Alor Gajah diadakan pada setiap Sabtu pertama setiap bulan bermula jam 8 malam hingga 2 pagi.



ANTARA aktiviti menarik disediakan kepada pengunjung. Foto MPAG



PERTANDINGAN untuk si klik turut memwami penganjuran Car Free Zone @Alor Gajah. Foto MPAG



PAMERAN daripada PDRM memberi kesedaran orang ramai untuk mencegah kes jenayah. Foto MPAG